



St Leonard's College

# International Baccalaureate

Kami merupakan sekolah pertama di Victoria yang menawarkan pelajar pilihan sama ada Program Diploma International Baccalaureate atau VCE sebagai laluan ke pendidikan tinggi.

Pertubuhan International Baccalaureate (IBO) merupakan yayasan pendidikan yang memperjuangkan dunia yang lebih sempurna melalui pendidikan. Visi yang menjadi tunjang perjuangan IBO ialah menawarkan pelajar kurikulum seimbang yang memupuk pemikiran kritikal dan persefahaman antara budaya. Programnya bertujuan untuk membangunkan kemahiran intelek, peribadi, emosi dan sosial yang perlu untuk hidup, belajar dan bekerja dalam arus globalisasi dunia yang semakin pesat.

## Mengapa pilih IBDP?

Dengan lebih satu juta pelajar mengambilnya di 143 buah negara dan 4000 buah sekolah di serata dunia, sukatan pelajaran dan skim penilaian IBDP yang berfokus antarabangsa menawarkan persiapan terbaik bagi menghadapi pelbagai cabaran pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam dunia yang terhubung erat. Banyak universiti terkemuka di Australia menawarkan kedudukan lanjutan bagi lulusan IBDP sebagai mengiktiraf kegigihan akademik program ini dan lulusannya. Kejayaan menamatkan IBDP membuka peluang bagi memasuki universiti terkemuka dalam negeri dan beberapa universiti yang terbaik di serata dunia, termasuk Oxford, Cambridge, Harvard, Yale dan Sorbonne.

## Struktur Kursus:

Pelajar diwajibkan memilih satu mata pelajaran setiap satu daripada 6 kumpulan mata pelajaran.

|                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| Kumpulan 1: Bahasa A                | Bahasa Pertama (Inggeris dan Cina)  |
| Kumpulan 2: Bahasa B                | Bahasa Moden (Perancis, Jerman, Indonesia, Cina dan Sepanyol)                   |
| Kumpulan 3: Individu dan Masyarakat | Ekonomi, Geografi, Sejarah, Psikologi dan Politik Sedunia                       |
| Kumpulan 4: Sains Uji Kaji          | Biologi, Kimia, Fizik dan Sains Sukan, Senaman dan Kesihatan (SL)               |
| Kumpulan 5: Matematik               | Matematik (HL), Kaedah Matematik (SL), Pengajian Matematik (SL)                 |
| Kumpulan 6: Seni                    | Muzik, Teater, Seni Tampak atau satu lagi pilihan daripada Kumpulan 2, 3 atau 4 |

Di samping itu, pelajar wajib menyelesaikan projek penyelidikan 4,000 perkataan, Kursus Teori Pengetahuan, dan menyertai pelbagai aktiviti termasuk khidmat kemasyarakatan, kegiatan fizikal dan kegiatan kreatif.

Untuk penerangan lanjut tentang Program Diploma International Baccalaureate, sila layari <http://ibo.org/programmes/diploma-programme/>

